

PEMAHAMAN

Masa: 1 jam 15 minit

Arahan Am:

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Kamu dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam kedua-dua bahagian ini.
3. Bagi **Bahagian A**, setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.
4. Bagi **Bahagian B**, jawab **semua** soalan dalam ruang jawapan yang disediakan.

Bahagian A

[20 markah]

Soalan 1 hingga 10

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. "Ampun, tuanku. Segala titah perintah tuanku akan _____ laksanakan," sembah Hang Tuah kepada Sultan Melaka.
A patik C tuanku
B hamba D tuan hamba
2. Mereka sedang _____ maklumat wabak COVID-19 pada papan kenyataan Kelab Doktor Muda.
A bertampal
B ditampalkan
C penampalan
D menampalkan
3. Ayah dan ibu menghias bilik adik dengan _____ corak kartun kegemaran adik.
A kertas tisu
B kertas bunga
C kertas dinding
D kertas minyak

4. Cef Aina memasukkan _____ kulit limau ke dalam kek oren itu.

A parutan C diparutkan
B parutkan D memarutkan

5. Ayah menanam nanas _____ menanti kelapa sawit di kebunnya mengeluarkan hasil.

A jika C sementara
B malahan D walaupun

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



6. Mak Intan sedang duduk _____ padi di hadapan pondok mereka di tengah sawah.

A mengayak C mengirai
B menampi D menebar

7. Nalani berasa _____ untuk meniti jambatan gantung yang usang itu.
A cuak C girang
B berani D gementar
8. Lily mendengar suara _____ yang nyaring pada waktu senja semasa bercuti di desa.
A tetangga C sesibur
B tetulang D reriang
9. Pilih **penjodoh bilangan** yang paling sesuai.
Borhan mengikat beberapa _____ petai itu untuk dijual di pasar tani.
A gugus C papan
B jambak D tandan
10. Pilih **peribahasa** yang paling sesuai.
Penduduk Kampung Kuala Segu telah mencapai _____ untuk menjalankan projek cili secara fertigasi.
A kata putus
B putus akal
C kata dua
D putus nyawa
11. Karnival Sains dan Teknologi itu sungguh meriah.
Pilih perkataan **antonim** bagi meriah.
A mendung C mersik
B mesra D muram
12. Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.
Pembuangan sisa klinikal itu diuruskan dengan prosedur yang betul.
A Siapakah yang menguruskan pembuangan sisa klinikal itu dengan prosedur yang betul?

- B Bagaimanakah cara pembuangan sisa klinikal itu diuruskan?
C Mengapakah pembuangan sisa klinikal itu diuruskan dengan prosedur yang betul?
D Apakah kaedah yang dilakukan untuk pembuangan sisa klinikal itu?
13. Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.
Para sukarelawan itu membantu mangsa banjir membersihkan rumah mereka pada hujung minggu.
A Mangsa banjir dibantu oleh para sukarelawan itu membersihkan rumah mereka pada hujung minggu.
B Pada hujung minggu, mangsa banjir membantu sukarelawan itu membersihkan rumah mereka.
C Para sukarelawan itu telah membersihkan rumah mereka pada hujung minggu sambil dibantu oleh mangsa banjir.
D Para sukarelawan itu dibantu oleh mangsa banjir untuk membersihkan rumah mereka pada hujung minggu.

Soalan 14 dan 15

Pilih ayat yang betul.

14. A Mereka mengadakan pesta mengemping padi itu di setiap tahun.
B Nenek Timah menaburkan beras pada anak-anak ayam itu.
C Encik Musa menerima kad undangan majlis perkahwinan dari sahabat baiknya di universiti.
D Gubahan bunga orkid yang cantik itu hadiah daripada Puan Rosma.

15. I Guru besar sedang merasmikan Program Kempen Integriti di dewan sekolah.
- II Felizia berminat dalam bidang pembuatan kek sejak daripada kecil lagi.
- III Adik melekatkan gambar-gambar cantum tampal itu kepada kertas lukisan dengan cermat.

IV Ahli Persatuan Pengakap itu sedang berkhemah di Hutan Lipur Rimba.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Soalan 16 hingga 20

Baca iklan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kem Cintai Alam Sekitar

Anjuran: Jabatan Pendidikan Daerah Gombak dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

Pendahuluan:

Kem ini terbuka kepada murid-murid Tahap Dua sekolah rendah di daerah Gombak

Objektif Kem:

- (a) Memberi kesedaran alam sekitar kepada setiap lapisan masyarakat
- (b) Menanam rasa tanggungjawab dalam kalangan masyarakat untuk bertindak dan mengambil bahagian dalam menjaga alam sekitar yang dikongsi bersama
- (c) Memupuk kerjasama dan membina keyakinan diri semasa melakukan pelbagai aktiviti yang mencabar

Maklumat Kem:

Tarikh	: 28 Mac hingga 29 Mac (Sabtu dan Ahad)
Masa	: 8:00 pagi hingga 10:30 malam
Tempat	: Kem Perah, FRIM yang merupakan <i>kawasan terpencil</i> yang lengkap dengan kemudahan asas untuk keselesaan pengunjung
Penceramah	: Mahasiswa Fakulti Perhutanan Universiti Putra Malaysia (UPM)
Fasilitator	: Mahasiswa Fakulti Perhutanan UPM
Bilangan peserta	: 150 orang peserta dan mereka perlu menyertakan surat kebenaran ibu bapa bersama-sama borang penyertaan. Daftarlah dengan segera kerana bilangan peserta adalah terhad.
Penyertaan	: Percuma
Tarikh tutup penyertaan	: 22 Mac (Isnin)
Maklumat lanjut	: Hubungi urus setia program, Encik Wan Aydan Wan Ismail (012-3558254) atau layari laman sesawang frim.gov.my

16. Pihak yang menganjurkan Kem Cintai Alam Sekitar ini ialah
- A Universiti Putra Malaysia.
 - B Mahasiswa Fakulti Perhutanan Universiti Putra Malaysia.
 - C Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).
 - D Jabatan Pendidikan Daerah Gombak dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.
17. Mengapakah murid-murid yang berminat perlu mendaftar dengan segera?
- A Mendapatkan tawaran harga yang menarik untuk yuran penyertaan
 - B Merebut peluang menyertai kem yang bilangan pesertanya adalah terhad
 - C Menyertai pelbagai aktiviti menarik yang dirancang oleh pihak urus setia
 - D Merasai pengalaman beraktiviti di dalam hutan di FRIM
18. Pilih pernyataan yang **benar** tentang iklan.
- A Encik Wan Aydan Wan Ismail adalah salah seorang penceramah kem.
 - B Peserta kem tidak perlu menyertakan borang kebenaran penjaga.
 - C Peserta Kem Cintai Alam Sekitar tidak dikenakan bayaran.
 - D Kem Cintai Alam Sekitar ini diadakan pada 22 Mac.

19. Atalia murid Tahun Enam di sebuah sekolah rendah di daerah Gombak. Borang penyertaannya yang lengkap telah diterima oleh pihak urus setia seminggu sebelum kem tetapi permohonannya itu telah ditolak.

Permohonan Atalia telah ditolak oleh pihak urus setia kerana

- A jumlah peserta kem telah mencukupi.
 - B borang penyertaannya diterima lewat oleh pihak urus setia.
 - C borang penyertaannya tidak dikepilkan dengan borang kebenaran penjaga.
 - D borang penyertaannya tidak disertakan dengan bayaran penyertaan.
20. Rangkai kata *kawasan terpencil* dalam iklan bermaksud
- A tempat yang sering dikunjungi.
 - B tempat yang menghijau.
 - C tempat yang terkenal.
 - D tempat yang terasing.

Bahagian B

[30 markah]

Soalan 21

- (a) Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.

dia

anda

kita

mereka

beliau

kamu

saya

kami

"Pada bulan hadapan, sekolah _____ akan mengadakan Hari Keusahawanan. Oleh itu, saya berharap _____ semua dapat mencadangkan apa yang harus kita jual semasa hari tersebut," ujar Cikgu Julia kepada murid Tahun Lima Gigih.

"Cikgu, _____ telah berbincang dan bersetuju untuk menjual kek cawan dan roti viral," kata Suraya mewakili kawan-kawannya.

"Saya pasti guru besar amat gembira mendengar cadangan kamu ini. _____ akan mengiringi tetamu kehormat melawat ke setiap gerai jualan pada Hari Keusahawanan nanti," ujar Cikgu Julia.

[4 markah]

- (b) Padankan perkataan **sinonim** yang betul dengan perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

Abang Danial berbakti kepada tanah terbiar ayahnya dengan tanaman nanas madu.

Saudagar Maulana berdagang kain dan rempah-ratus di Melaka.

Salina dan adiknya melakukan aktiviti yang berfaedah untuk mengisi masa senggang mereka.

Daun-daun getah kering bertaburan di halaman rumah itu.

• berniaga

• berserakan

• berbudi

• bermanfaat

[2 markah]